

# LAWATAN AKADEMIK SPE KE SABAH PORTS SDN. BHD.

Pada tanggal 24 Mac 2008, seramai 105 orang yang terdiri daripada para pelajar program Perniagaan Antarabangsa dan program Pemasaran SPE, diiringi oleh Encik Jaratin Lily dan Cik Jenny Ignatius telah mengadakan lawatan sambil belajar ke tapak Sabah Ports Sendirian Berhad yang baru di Teluk Sepangar. Tujuan lawatan ini adalah untuk menimba pengetahuan pelajar berkenaan operasi perkapalan, pelabuhan dan logistik, yang seiring dengan pembelajaran Pengurusan Operasi (BT2143) dan BG3123 Pengurusan Pemasaran Antarabangsa yang masing-masing dikelolakan oleh Encik Jaratin Lily dan Cik Jenny Ignatius.

Program ini dimulakan dengan sesi taklimat dan soal jawab oleh Encik Subardjoe Haji Durasit, selaku Penolong Pengurus, Bahagian Perhubungan Pelanggan dan Perhubungan Awam, Sabah Ports Sdn.Bhd. Sesi ini telah berjaya mendedahkan pelajar tentang peranan dan operasi Sabah Ports dalam menjana pembangunan ekonomi Sabah, serta peluang pekerjaan yang diberikan oleh syarikat tersebut.

Pelajar juga berpeluang melawat sekitar kawasan pelabuhan serta melihat sendiri peralatan canggih yang digunakan selepas menjamu hidangan yang disediakan oleh pihak syarikat. Sesungguhnya lawatan ini telah memberikan nilai tambah kepada pembelajaran kursus-kursus pengurusan operasi dan pemasaran antarabangsa kerana pelajar telah didedahkan tentang industri pelabuhan serta melihat saling-kait kepentingan faktor logistik dalam menyokong pembangunan ekonomi Sabah amnya.

